

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 22

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan penjelasan mengenai penjualan rumah mewah kepada warga asing bagi mengatasi lambakan harta tanah di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan data Pusat Maklumat Hartanah Negara (NAPIC) bagi Suku Pertama 2019 (Jan - Mac), bilangan rumah mewah tidak terjual yang berharga RM1 juta dan ke atas adalah sebanyak 4,331 unit dengan nilai RM8.7 bilion. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memberi keutamaan terhadap jumlah ini bagi memastikan unit-unit rumah mewah ini terjual dan tidak menjaskan ekonomi negara.
2. Justeru, salah satu daripada langkah penyelesaiannya adalah dengan cadangan menjual **rumah-rumah mewah yang tidak terjual ini kepada ekspatriat berkelayakan mengikut mekanisme sedia ada Kerajaan seperti Kempen *Malaysia My Second Home (MM2H)*** dan bukanlah melalui Kempen Pemilikan Rumah *Home Ownership Campaign (HOC)* seperti yang telah dijelaskan dalam kenyataan media KPKT pada 12 September 2019.
3. Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) merupakan satu inisiatif Kerajaan Malaysia sejak tahun 2002 untuk menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi serta memenuhi syarat untuk menetap dan merancakkan ekonomi di Malaysia melalui subsektor pelaburan, harta tanah, pendidikan, perubatan, dan automobil. Warga asing yang berjaya menyertai Program MM2H akan diberikan Pas Lawatan Sosial dengan Visa Masuk Berulang Kali (Multiple Entry Social Visit Pass) untuk tempoh 10 tahun dan boleh diperbaharui. Program ini terbuka kepada semua warga asing yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia tanpa mengira kaum, agama, jantina dan umur. Peserta yang layak dibenarkan untuk membawa pasangan dan anak di bawah umur 21 tahun yang belum berkahwin dan masih dalam tanggungan.

4. Program MM2H mensyaratkan bahawa peserta MM2H dibenarkan untuk mengeluarkan sebahagian simpanan dari Akaun Simpanan Tetap yang mandatori untuk tujuan pembelian hartanah bermula pada tahun kedua penyertaan peserta dalam Program MM2H. Oleh yang demikian, rekod pembelian hartanah yang dijana oleh Pusat MM2H adalah tidak menyeluruh dan adalah bersandarkan permohonan daripada peserta MM2H yang memohon untuk membuat pengeluaran simpanan dari Akaun Simpanan Tetap sahaja.

5. Dari tahun 2002 hingga 2018, sebanyak 43,943 peserta telah diluluskan penyertaan ke program MM2H. Berdasarkan rekod, jumlah pembelian hartanah oleh peserta MM2H dari tahun 2007 sehingga 2018 adalah 5,108 unit. Daripada 43,943 peserta yang berada di Malaysia, hanya 15% atau 5,108 daripada jumlah tersebut yang membeli hartanah rumah di Malaysia dan majoritinya adalah daripada China. Peserta hanya dibenarkan membeli hartanah bernilai RM1 juta dan ke atas selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (kini Kementerian Hal Ehwal Ekonomi - MEA) berkuat kuasa 1 Mac 2014.

Sekian, terima kasih.